

| | | | |
|------------|--|-------------|---------------------|
| Headline | Seluruh Sarawak disasar ada bekalan elektrik pada 2025 | | |
| MediaTitle | Berita Harian (Sabah and Sarawak) | | |
| Date | 21 Jan 2018 | Color | Full Color |
| Section | News | Circulation | 41,000 |
| Page No | 2 | Readership | 123,000 |
| Language | Malay | ArticleSize | 441 cm ² |
| Journalist | Sandra Albertz | AdValue | RM 4,168 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 12,504 |



Seluruh Sarawak disasar ada bekalan elektrik pada 2025

➔ Sasaran diyakini dapat dicapai melalui projek RES

Oleh Sandra Albertz
bhnews@bh.com.my

■ Kuching

Semua kawasan penempatan penduduk di Sarawak termasuk di luar bandar dan pedalam disasarkan menerima bekalan elektrik menjelang tahun 2025.

Menteri Muda (Utiliti) Bekalan Elektrik, Dr Abdul Rahman Junaidi, berkata pihaknya yakin sasaran itu mampu dicapai menerusi pelaksanaan projek Skim Pembekalan Elektrik Luar Bandar (RES).

“Kementerian Utiliti Sarawak



Sasaran itu mampu dicapai menerusi pelaksanaan projek Skim Pembekalan Elektrik Luar Bandar (RES)”

Abdul Rahman Junaidi,
Menteri Muda (Utiliti)
Bekalan Elektrik Sarawak

| | | | |
|------------|--|-------------|---------------------|
| Headline | Seluruh Sarawak disasar ada bekalan elektrik pada 2025 | | |
| MediaTitle | Berita Harian (Sabah and Sarawak) | | |
| Date | 21 Jan 2018 | Color | Full Color |
| Section | News | Circulation | 41,000 |
| Page No | 2 | Readership | 123,000 |
| Language | Malay | ArticleSize | 441 cm ² |
| Journalist | Sandra Albertz | AdValue | RM 4,168 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 12,504 |

menyasarkan pada 2021, semua kawasan di bandar menerima bekalan elektrik dan menjelang 2025 pula, seluruh negeri akan menerima kemudahan itu,” katanya selepas merasmikan Program Menanam Pokok Pisang di Bandar Baru Samariang, di sini, semalam.

Kenal pasti penempatan tiada bekalan elektrik

Program berkenaan dianjurkan bersama Pertubuhan Belia Kebangsaan Bersatu Sarawak (SABERKAS) Cawangan Pantai Damai dan SABERKAS Cawangan Batu Lintang bersama Persatuan Cina Bandar

Baru Semariang dan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan (JKK) Bandar Baru Semariang.

Abdul Rahman yang juga Naib Presiden SABERKAS, bagaimanapun tidak menjelaskan peratusan pembekalan elektrik di kawasan bandar dan luar bandar negeri ini setakat ini.

Beliau turut mengakui ada beberapa penempatan penduduk di luar bandar yang tercicir daripada menerima bekalan elektrik menerusi pelaksanaan projek RES dan masalah itu perlu diselesaikan segera oleh pemimpin masyarakat setempat.

“Saya memohon pemimpin ter-

masuk ketua kampung dan penghulu di luar bandar supaya bersama mengenal pasti penempatan penduduk yang belum mendapat bekalan elektrik melalui projek RES dan memberikan maklumat itu kepada kementerian bagi membolehkan tindakan segera diambil.

“Ini termasuk maklumat mengenai penempatan yang belum mendapat kemudahan lampu jalan. Pemimpin akar umbi juga perlu memberikan butiran jumlah unit lampu jalan yang diperlukan di setiap kampung dan rumah panjang di kawasan masing-masing,” katanya.

| FOTO SANDRA ALBERTZ/BH



Abdul Rahman (tengah) bersama ahli SABERKAS dan penduduk Bandar Baru Samariang pada program menanam pokok pisang di Bandar Baru Samariang, Kuching, semalam.